

BIL.

2

BERITA



EDISI KEDUA 2019

MAC - APRIL

جمادى الأولى 1440هـ - شعبان 1440هـ

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

LANDSKAP KOMUNITI TERINDAH



MPPG TEMPAT KETIGA KATEGORI LANDSKAP KOMUNITI NEGARA TAMAN:

SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP MALAYSIA



Menarik Di Dalam...

Lawatan EKSA Dari Majlis Daerah Kota Tinggi

Expo Selangkah Ke UITM

Beri Galakan Kepada Lepasan Sekolah dan Matrikulasi

Gotong Royong Di Masjid An-Nur (KPBPG)

TOWN HALL MPPG MAJLIS MESRA MPPG BERSAMA RAKYAT KALI PERTAMA 2019



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



AJK SIDANG REDAKSI 2019

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

KANDUNGAN

- 3 ▶ MPPG Tempat Ketiga Kategori Landskap Taman Komuniti
- 4 ▶ Townhall MPPG: Majlis Mesra MPPG Bersama Rakyat Kali Pertama 2019
- 5 ▶ Kursus Pengurusan Jenazah Perdana Pasir Gudang
- 6 ▶ MPPG Anjur Program Gotong Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam
- 7 ▶ Lawatan EKSA Dari Majlis Daerah Kota Tinggi
- 8 ▶ Majlis Perasmian Taman Komuniti Harmoni Zon Nusa Damai
- 9 ▶ Walkabout Bersama Yang Dipertua di Zon Scientex 1 & 2

- 10 - 12 ▶ Lensa Bulanan
- 13 ▶ Expo Selangkah Ke UiTM
- 14 ▶ Kempen Derma Darah
- 15 ▶ Perhimpunan Pagi Bulan April
Gotong Royong Di Masjid An-Nur Kompleks Bandar Pasir Gudang
- 16 ▶ Lawatan Jalinan Kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya Ke MPPG
- 17 ▶ MPPG Terima Lawatan Universiti Sains Malaysia (USM)
- 18 - 19 ▶ Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ▶ Info Terkini : Destinasi Menarik Di Pasir Gudang

Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada Edisi kedua Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini.

Suku tahun pertama 2019 ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di Pasir Gudang antaranya, Sesi Town Hall – Majlis Mesra MPPG Bersama Rakyat Kali Pertama 2019 yang memberikan peluang kepada masyarakat bagi menyampaikan masalah masyarakat secara langsung kepada Yang Dipertua MPPG. Ia juga sebagai tanda keprihatinan dan memastikan MPPG sentiasa peka dan mengutamakan keperluan penduduk demi kesejahteraan hidup komuniti Pasir Gudang.

Bagi bulan Mac 2019 ini, MPPG telah menerima satu lagi kejayaan yang membanggakan apabila berjaya mendapat satu lagi pengiktirafan sempena Hari Landskap yang diadakan di Putrajaya pada 3 Mac yang lalu. Dengan penyertaan dari 50 PBT seluruh Malaysia, Taman Cendana MPPG telah terpilih mendapat tempat ketiga dalam kategori Landskap Komuniti Negara Taman. Tahniah saya ucapkan kepada barisan pengurusan landskap yang sangat komited dalam merealisasikan kejayaan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada mereka yang berusaha dan bertungkus-lumus dalam merealisasikan pencapaian cemerlang dan membanggakan ini.

Selain mengekalkan kejayaan demi kejayaan, MPPG juga turut menjadi rujukan dan contoh kepada PBT lain dalam menjayakan program EKSA khususnya di Negeri Johor. Justeru, MPPG telah menerima lawatan EKSA dari Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) pada 18 April yang lalu. Selain itu, MPPG turut menerima lawatan kerja dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan lawatan sambil belajar dari Universiti Sains Malaysia.

Sebagai sebuah PBT yang mengutamakan kepentingan rakyat dan penduduknya, MPPG tidak terkecuali dalam menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan jawatankuasa zon di setiap taman di bawah pentadbirannya. Justeru, satu lagi program telah dijalankan pada 28 April yang lalu iaitu Program Gotong-Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang. Program telah disertai oleh Jawatankuasa Penduduk, NGO, IPTA serta waris di sekitar kawasan Pasir Gudang dan warga kerja Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Ia juga merupakan satu lagi program tahunan anjuran Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Program YDP turun padang Zon Scientex 1 dan Scientex 2 telah diadakan pada 24 Mac 2019 yang lalu. Program ini merupakan satu lagi saluran aduan secara terus dan telus kepada Yang Dipertua dalam menyelami masalah-masalah yang diajukan oleh masyarakat khususnya di Pasir Gudang. Program ini merupakan program bersama Yang Dipertua yang telah dirancang dan dijadual bagi semua 24 zon dibawah pentadbiran Pasir Gudang.

Selain itu, aktiviti perhimpunan bulanan bagi bulan Mac dan April juga telah sempurna diadakan. Selain berkongsi maklumat, perhimpunan ini juga dapat mengumpulkan seluruh anggota pekerja setiap bulan ia dijalankan. Acara senam robik turut diadakan selepas program selesai. Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG juga melalui Biro Agama juga telah menganjurkan program gotong-royong Masjid An Nur, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Warga kerja MPPG, anggota pekerja Masjid dan kariah masjid telah bersama-sama menjayakan program gotong royong ini.

Akhir kata, kepentingan hubungan masyarakat dengan kerajaan seperti MPPG perlu terus utuh dan mampu memberi perkhidmatan yang saksama dan terbaik kepada masyarakat setempat. Saya berharap dengan kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada kita semua dapat memberi suntikan moral kepada semua warga kerja MPPG untuk terus komited dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan.

Justeru, saya menyeru sekali lagi supaya mutu perkhidmatan dapat diperkasakan sejajar dengan pertambahan penduduk agar kawasan agar MPPG dapat bersama-sama bergerak dengan lain-lain PBT di Malaysia amnya dan khususnya di Johor.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

*Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG*

MPPG TEMPAT KETIGA KATEGORI LANDSKAP KOMUNITI NEGARA TAMAN: SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP MALAYSIA



Yang Dipertua bergambar bersama warga kerja bahagian landskap selepas menerima sijil penghargaan.

Dalam menjadikan Pasir Gudang indah, selesa dan selamat untuk di diami. MPPG melalui Bahagian Landskap telah menyediakan kemudahan-kemudahan landskap di setiap taman kejiranan yang wujud di dalam pentadbiran MPPG. Ia juga bertujuan bagi mencapai sasaran visi MPPG bagi menjadikan Pasir Gudang Bandar Industri Sejahtera dan Tersohor. Antara objektif Bahagian Landskap dalam meneraju fokus keindahan dan keceriaan landskap di Pasir Gudang adalah memastikan segala pembangunan landskap yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan mengikut piawaian negara, membangunkan kawasan hijau Pasir Gudang dengan rekabentuk dan pengisian yang praktikal, berfungsi selamat, selesa dan menarik sebagai sebuah kawasan riadah untuk komuniti didalam kawasan Pentadbiran MPPG. Selain itu, mewujudkan jalinan hijau (*green network*) yang menghubungkan pusat kediaman, pusat komersial dan kawasan industri dengan mengambil kira ciri-ciri utama bandar selamat. Dan memperkenalkan Pasir Gudang dengan landskap yang menarik selari dengan pengiktirafan destinasi wilayah selatan semenanjung yang mempunyai keunikan tersendiri.

Melalui usaha yang gigih dan berterusan ini, MPPG telah berjaya mendapat satu lagi pengiktirafan sempena Hari Landskap yang diadakan di Putrajaya pada 3 Mac yang lalu. Dengan penyertaan dari 50 PBT seluruh Malaysia, Taman Cendana MPPG telah terpilih mendapat tempat ketiga dalam kategori Landskap Komuniti Negara Taman. Manakala tempat kedua di menangi oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya manakala johan bagi kategori ini pula ialah dari Perbadanan Putrajaya.

Majlis telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hadir sama dalam Majlis ini ialah Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Hj. Khalid bin Abd Samad serta Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daik.

Sebanyak 11 taman komuniti telah diwujudkan sejak tahun 2006 hingga 2018 dengan mewujudkan Rakan Taman pada tiap-tiap taman komuniti yang dibina. Sejurus selepas penyerahan tapak dikeluarkan, taman komuniti yang dibina pada tahun semasa akan diserahkan pada komuniti rakan taman yang dilantik dan dipersetujui oleh pengurusan MPPG bagi menyelenggara taman tersebut dengan spesifikasi penyelenggaraan landskap dan kebersihan kawasan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Landskap MPPG.

Pelan perancangan pembangunan diwujudkan sebagai garis panduan awal pembangunan landskap di seluruh kawasan pentadbiran MPPG termasuklah di taman komuniti, jalan-jalan protokol, taman awam, taman kejiranan, rezab kawasan hijau dan lain-lain kawasan yang mempunyai potensi yang tinggi dalam meningkatkan imej Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kesemua pelan perancangan pembangunan ini adalah merujuk kepada Pelan Induk Landskap.

Bahagian Landskap juga mensasarkan satu taman komuniti dibina pada tiap-tiap tahun mengikut permohonan dan kesesuaian tapak/rezab kawasan lapang sedia ada dengan mengkhususkan sekurang-kurangnya satu taman komuniti di satu taman kejiranan di dalam pentadbiran MPPG.

TOWN HALL MPPG :

MAJLIS MESRA MPPG

BERSAMA RAKYAT KALI PERTAMA 2019

Sesi Town Hall – Majlis Mesra MPPG Bersama Rakyat Kali Pertama 2019 program yang memberikan peluang kepada masyarakat mengenai peranan dan fungsi jabatan kerajaan. Ia juga memberikan peluang kepada wakil-wakil zon kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang memberikan komen dan menyampaikan masalah masyarakat secara langsung kepada Yang Dipertua MPPG. Program ini telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Jawatankuasa Zon MPPG pada 21 April yang lalu bertempat di Aras 3, Menara Aqabah MPPG.

Antara objektif Town Hall MPPG ini diadakan adalah bagi memberi maklumat tentang program dan projek yang telah dilaksanakan oleh MPPG untuk masyarakat sekitar Pasir Gudang, sebagai medium untuk MPPG mendapatkan maklum balas dan pandangan serta komunikasi dua hala antara wakil-wakil penduduk dan kepimpinan tempatan bertindak sebagai medium perbincangan/penerangan bersama agensi berkaitan berkenaan isu semasa yang melanda kawasan Pasir Gudang. Ia juga sebagai tanda keperihatinan dan memastikan MPPG sentiasa peka dan mengutamakan keperluan penduduk demi kesejahteraan hidup komuniti Pasir Gudang.

Program ini di mulakan dengan taklimat oleh Tuan Yang Dipertua, diikuti dengan taklimat oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Dr. Haidar Rizal Bin Toha, Ketua Penolong Pegawai Kanan dan taklimat oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, En. Shamsul Adli Bin Mohd Ali, dan Encik Azmi Bin Kisson, Pegawai Kawalan Kanan. Sementara borang maklum balas juga telah diedarkan kepada tetamu yang hadir. Program berakhir dengan dengan sesi dialog bersama Tn. YDP dan wakil-wakil agensi yang hadir.

Semoga perkongsian idea dan maklumat yang diperolehi dapat dijadikan sebagai satu lagi usaha bagi memperkukuhkan dan mengeratkan lagi perhubungan baik antara MPPG sebagai pentadbir Pasir Gudang dengan pelbagai lapisan masyarakat di bawah pentadbirannya.



Wakil Jawatankuasa Zon bergambar bersama Yang Dipertua selepas sesi program tamat



Ucapan aluan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor bin Adani



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PERDANA PASIR GUDANG



Ceramah telah disampaikan oleh Puan Hasnah binti Jaffar dari Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru



Pembelajaran secara teknikal juga telah dijalankan dan disertai semua peserta yang hadir

Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama jawatankuasa zon penduduk serta surau dan masjid sekitar Pasir Gudang telah menganjurkan program ini pada 17 Mac yang lalu bertempat di Masjid At-Taqwa, Taman Kota Masai.

Antara objektif program diadakan ialah bagi menunaikan fardhu kifayah secara bersistematik dan profesional, menyediakan barisan pelapis pengurusan jenazah di setiap masjid dan surau, mewujudkan satu pasukan bersepadu pengurusan jenazah di Pasir Gudang, membina dan mengukuhkan ukhwa sesama Islam, prihatin ehwal masyarakat setempat, menyedarkan masyarakat bahawa pengurusan jenazah harus dipelajari oleh setiap muslim, melahirkan sekurang-kurangnya seorang setiap keluarga yang boleh mengendalikan jenazah serta mewujudkan individu sukarelawan dan dikalangan ahli waris dapat tampil bagi menguruskan jenazah apabila berlaku kematian dan tidak bergantung semata-mata kepada imam atau bilal.

jenazah dan mengkafankan jenazah. Sepanjang kursus ini berlangsung, para peserta berpeluang bertanya secara terus sebarang kemusykilan berkaitan pengurusan jenazah yang betul kepada fasilitator. Program berakhir jam satu tengahari selepas sesi ucapan penutup oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor Bin Adani serta penyampaian sijil penyertaan dan makan tengahari.

Tahniah kepada semua peserta yang berjaya mengikuti kursus yang dijalankan. Semoga program seperti ini akan dapat di teruskan dan di anjurkan lagi pada masa akan datang.

Kursus bermula seawal jam 8.00 pagi dengan kehadiran para peserta membuat pendaftaran. Seramai 90 orang peserta telah menyertai kursus sesi kali ini. Kandungan topik kursus telah disampaikan dan dikendalikan oleh fasilitator jemputan dari Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru iaitu Puan Hasnah Binti Jaffar dan di bantu oleh 2 orang bilal bagi sesi praktikal. Para peserta melakukan latihan praktikal seperti penyediaan kain kapan, memandikan



Para peserta bergambar beramai-ramai selepas sesi kursus tamat dijalankan



Suasana gotong-royong sekitar Tanah Perkuburan Mufmainnah Pasir Gudang



Tuan Setiausaha turut menyertai gotong-royong yang dijalankan

MPPG ANJUR PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA TANAH PERKUBURAN ISLAM

Sebagai sebuah PBT yang mengutamakan kepentingan rakyat dan penduduknya, MPPG tidak terkecuali dalam menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan jawatankuasa zon di setiap taman di bawah pentadbirannya. Justeru, satu lagi program telah dijalankan pada 28 April yang lalu.

Program Gotong-Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang dianjurkan dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), COMBI, Surau An-Nur Taman Cahaya Masai, dan JKPZ telah diadakan di Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah. Program telah disertai oleh Jawatankuasa Penduduk, NGO, IPTA serta waris di sekitar kawasan Pasir Gudang dan warga kerja Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kira-kira hampir 100 orang telah menyertai program ini.

Antara objektif program diadakan ialah bagi memberikan galakan untuk mengajak semua lapisan masyarakat dan waris bersama-sama MPPG memenuhi tuntutan fardu kifayah, selain berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang prihatin akan permasalahan masyarakat yang berkaitan khairat kematian. Ia juga bagi menggalakkan aktiviti kerohanian di kawasan zon sekitar pasir Gudang, mengelakkan unsur fitnah terhadap warga kubur serta menghormati warga kubur sempena kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Program dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa ringkas yang dipimpin oleh yang berbahagia Ustaz Hasbi. Selepas itu, pembahagian tugas kepada para pelajar dan sukarelawan yang hadir telah diadakan. En. Sulaiman Bin Ismail, Setiausaha MPPG, melawat ke beberapa tanah perkuburan Islam yang lain seperti Tanah Perkuburan Islam Kg. Sg. Tiram, Tanah Perkuburan Islam Kg. Cahaya Baru dan Tanah Perkuburan Islam Masai. Program ini dijalankan serentak di semua kawasan Perkuburan Islam di bawah pentadbiran MPPG. Antaranya Tanah Perkuburan Kampung Cahaya Baru, Kampung Pasir Putih, Kampung Perigi Acheh, Masai dan Kampung Tanjung Langsung. Program telah berjalan dengan lancar di mana semua kawasan perkuburan yang terlibat telah dibersihkan. Selepas sahaja selesai gotong-royong, semua yang hadir telah dihidangkan dengan makan tengahari. Program berakhir pada jam 12.00 tengahari.

Program gotong-royong ini merupakan satu lagi program tahunan yang dijalankan oleh MPPG. Semoga usaha menjayakan program sebegini akan dapat dikekalkan dan dapat mengeratkan jalinan kerjasama antara MPPG dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya.



LAWATAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DARI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lawatan EKSA dari Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) pada 18 April yang lalu. Seramai 60 warga kerja MDKT telah menyertai sesi lawatan ini.



Antara zon yang dilawati dan sesi perkongsian maklumat yang diberikan.



Sesi taklimat EKSA telah disampaikan oleh En. Nik Masri dari Unit Korporat dan Perhubungan Awam.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai program EKSA yang dijalankan di MPPG bermula dari awal sehinggalah berjaya memperoleh sijil penghargaan dari Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Seterunya selepas sesi soal jawab dan pertukaran penyampaian cenderahati, delegasi telah dibawa melawat ke beberapa zon EKSA di MPPG. Antaranya Zon Kromium (Perpustakaan Awam Pasir Gudang), Zon Teknetium (Bahagian Penyelenggaraan Aset), Zon Nibium (Bahagian Lanksap), Zon Kadmium (Jabatan Khidmat Pengurusan), Zon Zink, (Bahagian Teknologi Maklumat) dan Zon Titanium (Bahagian Kebersihan). Lawatan juga di bawa melawat ke bahagian stor MPPG.

Semoga lawatan yang dianjurkan ini, mampu memberi sedikit pengetahuan dan perkongsian kepada pihak MDKT mengenai pendedahan dan program EKSA yang dijalankan.



Sesi pertukaran cenderahati kedua belah pihak oleh Tuan Setiausaha.



Delegasi lawatan bergambar beramai-ramai selepas sesi lawatan tamat.



Majlis Perasmian TAMAN KOMUNITI HARMONI SERTA PROGRAM YDP TURUN PADANG DI ZON NUSA DAMAI

Taman Komuniti Harmoni yang dibina ini adalah satu projek berterusan yang diusahakan oleh penduduk Jalan Harmoni. Bermula dengan program kerja-kerja memindahkan pokok-pokok dari Tapak Semaian MPPG ke Taman Komuniti Harmoni. Seterusnya Program Kehijauan Taman dan Seminar Teknologi Hijau telah dianjurkan dengan kerjasama MPPG bagi memperkenalkan teknologi hijau kepada komuniti Pasir Gudang pada 6 April yang lalu.

Taman Komuniti Harmoni sangat sesuai untuk riadah sekeluarga kerana menempatkan dataran, kawasan jogging serta taman permainan kanak-kanak. Majlis Perasmian Taman Komuniti Harmoni telah diadakan pada 27 April yang lalu yang dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor bin Adani.

Seterusnya, pada sebelah petang telah diadakan program walkabout di kawasan zon Nusa Damai. Sesi lawatan telah disertai oleh Yang Berbahagia Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh. Antara lokasi dan isu yang diutarakan oleh penduduk adalah sebagaimana jadual berikut :



Yang Dipertua MPPG bersama tetamu VIP yang hadir dalam majlis ini.



YB. Dato' Che Zakaria, turut serta dalam sesi lawatan tapak walkabout Zon Nusa Damai yang diadakan

BIL	JALAN	ISU	CADANGAN
1.	Jalan Tenteram 3	Laluan keluar/masuk lori ke tapak pembinaan projek Mahligai.	Jalan baru dibuka untuk laluan keluar/masuk lori.
2.	Jalan Sentosa 12	Kawasan gerai yang tidak kemas dan terbiar lebih kemas.	Menaiktaraf kawasan gerai supaya.
3.	Jalan Sentosa 18	Kawasan padang tidak digunakan secara menyeluruh.	Menaiktaraf sebahagian kawasan padang untuk dijadikan <i>fitness centre</i> .
4.	Jalan Riang 6	Tiada gelanggang futsal untuk beriadah.	Membina gelanggang futsal.
5.	Jalan Damai Utama	Kawasan gelap dan bahaya untuk pelajar anak-anak yang ke sekolah menggunakan jalan tersebut.	Memasang lampu limpah dan membina laluan basikal.
6.	Jalan Harmoni 3	Tiada lokasi berbumbung untuk penduduk berkumpul menjalankan aktiviti bersama.	Membina dewan terbuka di Jalan Harmoni 3.



WALKABOUT BERSAMA YANG DIPERTUA DI ZON SCIENTEX 1 & SCIENTEX 2



Ahli Jawatankuasa Zon (JKPZ) Zon Scientex 1 dan pengerusi zon, En. Wan Mohd Hazan Amru bergambar bersama Yang Dipertua sebelum memulakan sesi lawatan *walkabout*

Program YDP turun padang Zon Scientex 1 dan Scientex 2 telah diadakan pada 24 Mac 2019 yang lalu. Program dimulakan dengan taklimat perkongsian isu yang dibangkitkan oleh penduduk. Seterusnya program diteruskan dengan melawat kawasan tapak.



Yang Dipertua bersama JKPZ Scientex 1 dan Scientex 2 dalam sesi lawatan *walkabout* yang diadakan.

Seorang Ahli Jawatankuasa Zon Scientex 2, En. Suhaimi Yusuf berkata “semoga selepas sesi *walkabout* ini, terdapat perubahan dan penambahbaikan mengenai isu dan aduan yang dilaporkan kepada MPPG kelak”.

Antara isu yang diambil tindakan mengikut zon ialah sebagaimana berikut :

BIL	JALAN	ISU	CADANGAN
1.	Iris	<ol style="list-style-type: none"> Surau Iris di Jalan Merbah 1, tiada jalan tar. Gelanggang futsal Jalan Merbah 6, tiada garisan lantai. 	<ul style="list-style-type: none"> Memohon peruntukan tambahan MPPG bagi kerja-kerja tar di halaman surau Iris. Memohon MPPG mengecat lantai gelanggang futsal.
2.	Aster	<ol style="list-style-type: none"> Tiada tempat untuk menjalankan aktiviti riadah dikalangan kanak-kanak. Tiada tempat berteduh sekiranya hujan, disepanjang Jalan Merbah. 	<ul style="list-style-type: none"> Membina padang berbumbung serta trek jogging. Membina pondok menunggu bas.
3.	Cassia	Jalan berlubang di kawasan jalan belakang Jalan Kelisa 1.	<ul style="list-style-type: none"> Membaik pulih jalan yang berlubang.
4.	Casuarina	Longkang besar yang mengundang bahaya yang membolehkan kanak-kanak masuk ke kawasan tersebut dan bermain di situ	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan signboard larangan memasuki kawasan parit. Pemasangan jaring sebelum kawasan parit besar.

ENSA BULANAN

29 MAC 2019

PAMERAN FESTIVAL ISLAM ANTARABANGSA
DI PERSADA JOHOR BAHRU



Booth pameran Unit Seramik, Pasir Gudang

1 APRIL 2019

KURSUS SEMAKAN DOKUMEN ISO 14001



Peserta bergambar bersama selepas tamat kursus yang diadakan

5 APRIL 2019

UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN TAHUN 2019



Proses cabutan undi, dilakukan bagi pemberian tapak bazar ramadan kepada pemohon



Para peniaga semasa proses pendaftaran dilakukan

BENGKEL PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) MPPG SIRI 1

5 & 6 APRIL 2019



Para peserta mendengar penerangan dari konsultan yang dijemput dalam bengkel yang diadakan.

BENGKEL PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) MPPG SIRI 2

16 & 17 APRIL 2019



Perbincangan dan aktiviti secara berkumpulan turut diadakan.

BENGKEL PENGENALAN SMART CITY DAN BANDAR RENDAH KARBON DI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

22 - 24 APRIL 2019



Ahli Majlis MPPG antara peserta yang dijemput hadir bagi menyertai bengkel yang diadakan.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya antara PBT yang dijemput dalam sesi perkongsian ilmu mengenai smart city.

25 APRIL 2019

LAWATAN BIRO SOSIAL KELAB SUKAN DAN
KEBAJIKAN (KSK) MPPG KE UNIVERSAL
STUDIO SINGAPURA (USS)



Peserta bergambar bersama sebelum memulakan sesi lawatan ke USS



Antara tempat yang dilawati di Singapura ialah Masjid Menggong Daeng Ibrahim yang terletak di kawasan Telok Belangah Singapura

27 APRIL 2019

PROGRAM WALKABOUT YDP
DI ZON KOTA MASAI 2 DAN 3



Bergambar bersama Jawatankuasa Zon sebelum sesi walkabout dimulakan



Tuan Yang Dipertua bersama Setiausaha turut melawat kawasan tapak mengenai aduan yang diterima

29 & 30 APRIL 2019

BENKEL PENGENALAN SMART CITY DAN
BANDAR RENDAH KARBON DI MAJLIS
PERBANDARAN PASIR GUDANG



Peserta program bergambar bersama selepas sesi taklimat yang diadakan tamat



EKSPLO SELANGKAH KE UITM BERI GALAKAN KEPADA LEPASAN SEKOLAH DAN MATRIKULASI



30 dan 31 Mac 2019
9.00 pagi hingga 5.00 petang
UTC Pasir Gudang



#selangkahkeuitm2019

Sila bawa bersama cetakan berikut:

1. Slip SPM / STPM / DIPLOMA
2. Semakan Syarat Sistem Selangkah

Sila Layari
<https://selangkah.uitm.edu.my>

**BAKAL MAHASISWA DAN ORANG RAMAI
DIJEMPUT HADIR!**

UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah mengadakan program Selangkah Ke UiTM bagi lepasan SPM, STPM, Matrikulasi dan lain lain. Program ini telah jayanya diadakan selama dua hari iaitu pada hari Sabtu dan Ahad pada 30 - 31 Mac 2019 di Atrium Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang.

Program tahunan ini merupakan wadah terbaik untuk mendapatkan info terkini berkaitan UiTM, syarat kemasukan, program-program yang ditawarkan dan bertemu dengan warga akademik UiTM sendiri bagi memastikan program pengajian yang dipilih bersesuaian dengan syarat kemasukan dan personaliti pelajar.

Hampir 3000 pengunjung yang hadir bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program anjuran UiTM Pasir Gudang ini. Program berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang



Pelajar yang hadir diberi penerangan mengenai program pengajian yang dipilih.





KEMPEN DERMA DARAH PUPUK KESEDARAN DIKALANGAN WARGA PASIR GUDANG

Pacific Oleo dengan kerjasama Hospital Aminah dan pejabat Pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang telah menganjurkan Kempen Derma Darah pada 9 Mac yang lalu di Atrium, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPG).

Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang ini begitu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari warga Pasir Gudang yang dianggarkan disertai lebih 400 orang awam. Selain itu, pengunjung yang hadir dan layak untuk menjalankan proses derma darah akan diberikan cenderahati dari pihak penganjur.



Anggota perubatan yang bersedia menjalankan proses derma darah.

KEMPEN DERMA DARAH

BLOOD DONATION
CAMPAIGN



Tarikh / Date : 9 Mac 2019

Tempat / Place : Kompleks Pusat Bandar,
Pasir Gudang,
(Aras 1, Ruang Legar.)

Masa / Time : 10.00 pg. – 4.00 ptg.

Anda dijemput
hadir
You're Invited



Dianjurkan oleh / Organized By :

PACIFIC OLEO

Dengan kerjasama / In Association with:



PERHIMPUNAN PAGI BULAN APRIL

Program bulanan yang dianjurkan oleh MPPG ini bertujuan berkongsi aktiviti MPPG sepanjang bulan terlibat disamping menjadi platform kepada Yang Dipertua dalam memberi teguran dan nasihat kepada semua warga kerja atas tanggungjawab menjalankan tugas sebagai seorang penjawat awam.

Program dimulakan dengan bacaan doa, nyanyian lagu bangsa Johor dan lagu kebangsaan, seterusnya ucapan Tuan Yang Dipertua. Seterusnya semua warga kerja yang menyambut hari ulang tahun kelahiran pada bulan April turut diraikan dengan acara memotong kek bersama Yang Dipertua dan Setiausaha. Program berakhir dengan aktiviti senamrobik.



Acara sambutan Hari Lahir bagi warga kerja yang lahir pada bulan April turut diadakan

GOTONG ROYONG DI MASJID AN NUR KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG

Bersempena kedatangan Ramadan 1440H, Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG (KSK MPPG) dibawah Biro Agama telah menganjurkan program gotong-royong di Masjid An Nur Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Gotong-royong telah diadakan pada 30 April 2019 bermula jam 9.00 pagi. Seramai 21 orang terdiri daripada warga kerja MPPG, anggota pekerja masjid dan kariah masjid telah bersama-sama menjayakan program gotong-royong tersebut.





Delegasi lawatan turut dibawa melawat Stadium Bola Sepak Pasir Gudang

LAWATAN JALINAN KERJASAMA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KE MPPG

MPPG telah menerima lawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) seramai hampir 20 warga kerja. Delegasi diketuai oleh Yang Berbahagia En. Aznan bin Hj. Hassan, Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ.

Antara objektif lawatan yang diadakan ialah mempelajari pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan/aset di MPPG, melawat stadium/dewan, komuniti/gelanggang, sukan/padang, kolam renang/krematorium/kubur dan fasiliti lain di bawah pentadbiran MPPG dan mempelajari serta berkongsi tatacara pengurusan penjagaan mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain daripada itu, tujuan lawatan diadakan adalah bagi melihat kaedah pelaksanaan pengurusan inventori aset dan kawasan padang yang digunakan dan dibangunkan untuk pembangunan sukan di MPPG.

Selepas taklimat dari Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta serta Jabatan Pembangunan Masyarakat mengenai pengurusan aset/kemudahan di MPPG, delegasi telah di bawa melawat ke Stadium Perbandaran Pasir Gudang, Dewan Taman Mawar juga ke Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang.

Selepas daripada itu, kunjungan ini telah dibawa melawat Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang. Lawatan berakhir dengan jamuan tengahari. Semoga perkongsian ini mampu memberi sedikit banyak info dan maklumat kepada delegasi ini ke MPPG.



Taklimat dari Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta serta Jabatan Pembangunan Masyarakat



“SUSTAINABLE DEVELOPMENT STUDY TOUR IN SINGAPORE AND JOHORE”

MPPG TERIMA LAWATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Kelab Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, telah menganjurkan *Program Sustainable Development Study Tour in Singapore and Johore*. Program yang dianjurkan selama 4 hari bermula 7 April hingga 10 April ini turut menjadikan MPPG sebagai rujukan dan sumber bagi mendapatkan pendedahan mengenai program kelestarian. Ini turut merangkumi kejayaan MPPG yang begitu cemerlang dalam inisiatif-inisiatif kelestarian, antaranya Inisiatif Kejiranan Hijau, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA), Sistem Kompos, Penghasilan *Mudball* dan lain-lain lagi.

Seramai 37 orang peserta termasuk dua orang pensyarah telah menyertai program ini. Antara objektif yang ingin dicapai dalam program ini antaranya mendedahkan pelajar kepada praktis sebenar mengenai perancangan dan pengurusan pembangunan bandar di negara maju, mendapatkan maklumat dan memahami inisiatif-inisiatif pembangunan hijau dan lestari berdasarkan Pembangunan Wilayah Selatan dibawah Iskandar Malaysia Johor dan meneliti inisiatif-inisiatif kelestarian melalui penyertaan awam seperti masyarakat, pihak kilang dan lain-lain lagi di peringkat Kerajaan Tempatan di Pasir Gudang Johor.

Antara intipati program yang disusun di MPPG, mendengar taklimat mengenai inisiatif Kejiranan Hijau dari Bahagian Landskap MPPG serta penerangan terperinci mengenai program Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) yang dijalankan oleh MPPG. Seterusnya, pelajar-pelajar juga dibawa dan berpeluang mengambil bahagian dalam aktiviti pembuatan *mudball* yang turut di adakan di Tapak Semaian MPPG dan melawat Sarang Buaya Pasir Gudang.

“Program ini sangat memberi maklumat dan Informasi serta pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai aktiviti dan proses perancangan dan pengurusan pembangunan bandar secara lestari melalui contoh praktikal yang diperolehi,” kata Puan Rosmawati binti Kamardin yang merupakan salah seorang pelajar yang mengambil bahagian dalam program ini.



Bergambar bersama di Santuari Sarang Buaya



Pelajar diberikan penerangan mengenai pembuatan *mudball*





20 APRIL 2019

WALKABOUT PELANCARAN FOOD AID PROGRAMME MYKASIH 2019

Program ini merupakan program bantuan bulanan keperluan asas bernilai RM80.00 yang dikreditkan terus kepada kad pengenalan/ MyKad penerima bantuan. Program ini memasuki tahun kelima yang dijalankan oleh Yayasan Pasir Gudang dengan kerjasama teknologi daripada Yayasan MyKasih. Objektif program diadakan adalah bagi membantu meringankan kos sara hidup masyarakat setempat dengan pemberian bantuan barangan keperluan asas bulanan.

Seramai 120 orang penerima pelbagai bangsa terdiri daripada Orang Kelainan Upaya (OKU), pesakit kronik, ibu tunggal, warga emas dan keluarga kurang berkemampuan. Penerima mestilah beralamat tetap di kawasan pentadbiran MPPG dan tergolong dalam golongan miskin bandar. Tempoh bantuan adalah dari April 2019 sehingga Mac 2020.



27 APRIL 2019

PROGRAM FREE MARKET ANJURAN LUVATA (M) SDN. BHD. DAN YAYASAN PASIR GUDANG

Program ini merupakan tajaan penuh syarikat Luvata (M) Sdn. Bhd. Objektif ia dianjurkan adalah bagi meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan dengan menyediakan barang keperluan asas secara percuma.

Program ini merupakan program berkonsepkan 'Pasar Percuma' dengan menyediakan barangan keperluan asas kepada keluarga yang terpilih terdiri daripada masyarakat Pasir Gudang. Seramai 150 orang telah terpilih kebanyakannya terdiri daripada keluarga kurang berkemampuan, ibu tunggal, OKU dan pesakit kronik.



28 APRIL 2019

Program ini merupakan satu bentuk program bantuan bagi mengurangkan perbelanjaan pengangkutan ke sekolah. Yayasan Pasir Gudang akan membayar sebahagian kos tambang bas sekolah pelajar terpilih terus kepada pengusaha bas manakala lebihannya akan dibayar oleh ibu bapa pelajar tersebut.

Pelajar yang layak untuk program ini adalah seperti berikut:

- Pelajar yang bersekolah harian dan menetap di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- Pendapatan perkapita keluarga tidak melebihi RM450 seisi rumah.
- Menaiki bas atau van sekolah yang berdaftar dengan SSM.

Antara objektif penganjurannya ialah, membantu mengurangkan perbelanjaan pengangkutan persekolahan anak-anak dari keluarga miskin bandar dan membantu pembasmian gejala ponteng sekolah di kalangan anak keluarga kurang berkemampuan akibat tiada pengangkutan ke sekolah.

Yayasan Pasir Gudang akan membayar sebahagian kos tambang bas sekolah pelajar terpilih terus kepada pengusaha bas manakala lebihannya akan dibayar oleh ibu bapa pelajar tersebut.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN SUBSIDI TAMBANG BAS SEKOLAH FASA 2 2019



28 APRIL 2019

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERMULAAN IPT AWAM DAN SWASTA 2019

Program ini juga merupakan program bagi menghargai pelajar yang cemerlang dan melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Latar belakang keluarga pelajar yang menerima adalah dalam golongan B40. Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh En. Sharul Akmal bin Johari, Pengurus Eksekutif Yayasan Pasir Gudang. Seramai 11 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Program ini merupakan penghargaan dan satu bentuk bantuan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Setiap pelajar menerima sumbangan tunai bernilai RM300 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.





INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Pasir Gudang

JOHOR, MALAYSIA

HOTEL & RESORT

HOTEL AMANSARI, SERI ALAM	+607-381 7070
HOTEL TANJONG PUTERI GOLF RESORT	+607 271 1888
SWAN GARDEN HOTEL, MASAI	+607 255 2200
HOTEL MASAI UTAMA	+607 255 3399
V3 HOTEL & RESIDENCE, SERI ALAM	+607 382 4238
ROSE COTTAGE HOTEL, SERI ALAM	+607 252 4644
7 HEAVEN BOUTIQUE HOTEL, SERI ALAM	+607 255 2555
PEACH HILL HOTEL & CAFE MASAI	+607 255 6128
LI GARDEN HOTEL, BUKIT DAHLIA	+607 255 5555
SAVANNA HILL RESORT	+6019 712 3222

ECO TOURISM

YOYO RAKIT SEA RESORT	+6019 721 8383
CHALET TERAPUNG SELAT MEDANA	+609 480 6300
SARANG BUAYA PASIR GUDANG	+607 251 7208
KONG-KONG ECO TOURISM	+6013 723 5350

AGRO TOURISM

TAMAN PERTANIAN KONG-KONG	+607 266 6707
---------------------------	---------------

MAKANAN VIRAL

SELAT MEDANA, KONG-KONG
RESTORAN RAHMAT (SIKAP SEGAR), KG. PASIR PUTIH
D'MAWAR CAFE
ASAM PEDAS TNB

KEMUDAHAN

UTC PASIR GUDANG
PERPUSTAKAAN PASIR GUDANG

HARGA TIKET

MUZIUM LAYANG-LAYANG

PERINGKAT UMUR	HARGA
WARGA NEGARA	
DEWASA	RM2.00
KANAK-KANAK (5-12 TAHUN)	RM1.00
WARGA NEGARA	
DEWASA/ KANAK-KANAK	RM3.00
AKTIVITI TAMBAHAN	
BENGKEL LAYANG-LAYANG	RM3.00


SARANG BUAYA

PERINGKAT UMUR	HARGA
WARGANEGARA	
- DEWASA (19 TAHUN KE ATAS)	RM8.00
- REMAJA (13-18 TAHUN)	RM6.00
- KANAK-KANAK (5-12 TAHUN)	RM4.00
- PENUNTUT IPTA/ IPTS	RM5.00
- PELAJAR SEKOLAH REN. & MEN.	RM3.00
- PELAJAR TADIKA	RM2.00
BUKAN WARGANEGARA	
- DEWASA (19 TAHUN KE ATAS)	RM8.00
- REMAJA (13-18 TAHUN)	RM6.00
- KANAK-KANAK (5-12 TAHUN)	RM4.00
AKTIVITI TAMBAHAN	
- MEMBERI MAKAN BUAYA	

S.T.A.M.P - PELANCONGAN



DESTINASI MENARIK DI
Pasir Gudang
Johor, Malaysia



UNIT PELANCONGAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

"TEROKAI SEKITAR PASIR GUDANG
UNTUK TAMBAHAN PENGALAMAN ANDA"



INI ADALAH KOD AR,
SILA SCAN MENGGUNAKAN APLIKASI 'ZAPPAR'.
APLIKASI BOLEH DIDAPATI DI APPSTORE DAN PLAY STORE

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG,
ARAS 2, MENARA AQABAH, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR.

TEL : 07-254 7777 / 07-254 7804 / 07-254 7803
FAKS : 07-251 5260

TEL : 07-254 7777/ 07-254 7804/ 07-254 7803
FAKS : 07-251 5260

SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TELEFON 07-254 7777	FAKS 07-251 5260	EMEL mppg@johor.gov.my	SKUAD TINJAU 013-377 1710
------------------------	---------------------	---------------------------	------------------------------

UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang &
Yang Dipertua Mppg